



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 22 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	PGA RAMPAS 58 EKOR LEMBU SELUDUP, NEGERI KELANTAN, SH -28 RAMPAS LEMBU BERNILAI RM348,000, LOKAL, HM -22 PGA RAMPAS 58 EKOR LEMBU SELUDUP, NEGARA, KOSMO -14 SYUKUR LEGA TIADA LAGI KERBAU MATI AKIBAT HAWAR BERDARAH, NEGARA, KOSMO -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	LPNM BANGUN PRODUK HILIRAN BAHARU, BISNES, HM -23	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
6. 7. 8. 9.	BID TO DEVELOP ANIMAL FEED PELLETS FROM PINEAPPLE WASTE, NEWS, NST -10 PINDAH PERALATAN ELAK HANYUT AIR PASANG, LOKAL, HM -20 PINDAH JARING ELAK DIHANYUT AIR PASANG, NASIONAL, BH -25 JURUTERBANG KINI TERNAK IKAN, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

22/9/2020

SINAR
HARIANSINAR NEGERI
KELANTAN

28

PGA rampas 58 ekor lembu seludup

RANTAU PANJANG - Cubaan dua lelaki menyeludup 58 ekor lembu bernilai RM348,000 berjaya digagalkan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan selepas menahan sebuah treler di jalan Kampung Meranti-Pasir Mas di sini petang kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7 Kuantan, Superintendan Azhari Nusi berkata, pihaknya kini sedang mengesan dalang sebenar kegiatan penyeludupan haiwan tersebut.

Menurutnya, dalam kejadian tersebut, pihaknya telah menahan sebuah treler yang dipandu dalam keadaan mencurigakan pada jam 3.15 petang manakala kelindan dan pemandu berusia 38 serta 39 tahun pula didapati telah menyalahgunakan dokumen perjalanan dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Siasatan awal mendapati kesemua lembu tersebut diambil dari kandang di Nechang, Tumpat," katanya.



Sebanyak 58 ekor lembu bernilai RM348,000 gagal diseludup selepas treler membawa haiwan tersebut ditahan PGA Batalion 7 Kuantan di jalan Kampung Meranti-Pasir Mas, Rantau Panjang petang kelmarin.

Menurutnya, lembu-dang itu akan dibawa ke Ladang Permai, Lubok Jong untuk dikumpulkan terlebih dahulu sebelum dipindahkan ke negeri lain. Bagaimanapun, katanya, kedua-dua suspek hanya mengaku mereka mengambil upah untuk memindahkan lembu-lembu tersebut namun mendakwa tidak mengetahui maklumat lanjut berkaitan perkara itu.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk ken-deraan berjumlah RM798,000 dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953," katanya. Sementara itu, dalam kejadian berasingan, pihaknya turut merampas daun ketum seberat 328 kilogram (kg) di Tanah Merah, dekat sini malam kelmarin.

Serbuan berasingan di dua lokasi itu membabitkan nilai keseluruhan berjumlah RM9,840.

Pasir Mas: Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA7) merampas 58 lembu dipercayai diseludup dari Thailand bernilai RM348,000 di Kampung Meranti di sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintahnya, Superintendan Azhari Nusi berkata, rampasan dibuat selepas anggota membuat rondaan terserempak dengan sebuah lori Volvo dalam keadaan mencurigakan pada jam 3.15 petang.

Katanya, anggota menahan lori itu dan meminta pemandu serta kelin- dan berusia 39 mengemukakan kad pengenalan diri mereka.

“Pemandu lori dan kelindan gagal kemukakan sebarang dokumen Azhari Nusi

Rampas lembu bernilai RM348,000



LORI digunakan untuk membawa 58 lembu dipercayai diseludup dari Thailand.



Azhari berkata, pemandu dan kelindan bersama lori itu dibawa ke Balai Polis Meranti di sini untuk stiasatan lanjut manakala ternakan itu diserahkan kepada Jabatan Veterinar Negeri mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Katanya, ternakan itu dipercayai diseludup dari negara jiran dan dalam soal siasat, kedua-duanya mengaku lembu itu diambil dari kandang di Kampung Nchang, Tumpat serta mahu dikumpulkan di Ladang Permai, Lubok Jong, Pasir Mas sebelum dipindahkan ke negeri lain.


“Mereka mengaku hanya diupah untuk memindahkan lembu itu dan tidak mengetahui maklumat lanjut mengenai dokumen perjalanan,” katanya.

sebarang nombor mengesahkan ternakan diimport sah,” katanya di sini, semalam.

kelindan gagal mengemukakan sebarang dokumen dan ada antara lembu berkenaan tidak bertanda selain tiada

“Pemandu lori mahupun salah, namun pemer-

Haiwan ternakan diseludup dari negara jiran guna treler untuk pasaran tempatan PGA rampas 58 ekor lembu seludup



SEBAHAGIAN lembu seludup yang dirampas susulan penahanan sebuah treler di Jalan Kampung Meranti-Pasir Mas di Rantau Panjang kelmarin.

Oleh YATIMIN ABDULLAH

RANTAU PANJANG - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 berjaya mematahkan kegiatan penyeludupan sebanyak 58 ekor lembu yang dianggarkan bernilai RM348,000 kelmarin.

Anggota PGA Batalion 7 mengesan kegiatan itu selepas menahan sebuah treler yang dipandu seorang lelaki bersama kelindan dan membawa haiwan berkenaan di Jalan Kampung Meranti-Pasir Mas pada pukul 3.15 petang.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari

Nusi berkata, siasatan awal mendapati lembu-lembu tersebut diseludup dari negara jiran sebelum diletakkan di sebuah kandang di Nechang, Tumpat.

Menurutnya, lembu-lembu itu kemudiannya dipindahkan ke Ladang Permai, Lubok Jong di sini sebelum dibawa ke negeri lain.

"Kita juga mendapati kumpulan penyeludup yang terlibat dalam aktiviti ini telah menyalah guna dokumen perjalanan yang dikehuarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Ini memandangkan dokumen yang dikemukakan oleh pemandu dan kelindan treler ketika

ditahan didapati meragukan," katanya.

Azhari memberitahu, kedua-dua suspek mengakui mereka hanya mengambil upah untuk memindahkan lembu-lembu tersebut tanpa mengetahui maklumat lanjut berkaitan perkara itu.

Katanya, PGA sedang menjalankan siasatan lebih terperinci bagi mengesan dalang sebenar penyeludupan ternakan berkenaan.

Azhari berkata, nilai keseluruhan rampasan termasuk lori yang dipandu suspek dianggarkan bernilai RM798,000.

Syukur lega tiada lagi kerbau mati akibat hawar berdarah

KUALA TERENGGANU – Hadi Muhammad Syukur Khamis, 15, yang dikenali sebagai 'Mogwli Malaysia' semakin lega selepas tiada lagi kerbau peliharaan bapanya mati disebabkan penyakit *Hemorrhagic Septicaemia* atau hawar berdarah sejak Sabtu lalu.

Dia berkata, setakat ini, sebanyak 56 kerbau termasuk bapanya, Khamis Jusoh, 64, termasuk kerbau kesayangannya iaitu Semek dan Tokol mati bergelempangan di dalam kandang berpuncu daripada wabak berkenaan.

"Sumtikan antibiotik yang dilakukan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu pada Khamis lalu telah meningkatkan daya tahan tubuh kebanyakan kerbau ayah yang tinggal.

"Kehilangan banyak 'rakan baik' (kerbau) pengalaman paling perit tetapi tidak sesekali membuat saya putus asa untuk menjadi penternak yang berjaya suatu hari nanti" katanya kepada Kosmo! di Kampung Kubang Bui-



MUHAMMAD SYUKUR (kanan) certa membantu anggota bomba memandikan kerbau peliharaan bapanya dengan semburan pili bomba di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu semalam.

juk di sini semalam. Terdahulu dia ditemui selepas menyaksikan baki kerbau bapanya yang masih tinggal di-

mandikan dengan bantuan anggota Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Terengganu, Ahmad Khairi Mamat berkata, pihaknya melakkan khidmat khas memandi-

kan kerbau tersebut dengan menggunakan 3,600 liter air dari tangki jentera bomba.

Beliau berkata, semburan air itu bertujuan untuk menyejukkan badan kerbau bagi menyingkatkan haiwan berkenaan yang baru menerima vaksin daripada JPV Terengganu.

"Kita mengambil masa setengah jam bermula pukul 9.30 pagi untuk melakukan khidmat khas ini," katanya.

Dalam pada itu, abang Muhammad Syukur, Muhammad Alias, 30, berkata, sejak terpaksa dikuarantin di dalam kandang pada minggu lalu, pihaknya mengambil inisiatif memandikan setiap kerbau itu dengan mengangkut air menggunakan lori.

Kosmo! pada 15 September lalu, melaporkan hati Muhammad Syukur luhuh menyaksikan lebih 50 kerbau peliharaan bapanya mati bergelempangan di dalam kandang disebabkan wabak hawar berdarah.

LPNM bangun produk hiliran baharu

Muar: Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) kini dalam usaha untuk membangunkan produk hiliran baharu iaitu pelet makanan haiwan ruminan yang dihasilkan daripada sisa buah berkenaan.

Pengerusinya, Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, kajian untuk membangunkan produk terbaharu itu kini giat dijalankan bersama FGV Holdings Bhd untuk memastikan ia dapat menembusi pasaran tahun depan.

"Kajiannya bermula tahun lalu dengan kami bekerjasama dengan FGV, tetapi projek pertama untuk skala industri dijangkakan dapat dilakukan November tahun ini di Pahang.

"Kami yakin dengan usaha terbaharu ini dapat memberi nilai tambah kepada industri nanas selain akan meningkatkan pendapatan penanam nanas," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan penutupan Taklimat Program dan Pengurusan Teknologi Tanaman Nanas di Dewan Auditorium Hab Pendidikan Tinggi Pagoh.

Program itu yang dianjurkan bersama Pertubuhan Kami Anak Felda Malaysia (KAF) Wilayah Segamat turut dihadiri Pengerusi KAF Wilayah Segamat, Datuk Asri Haris dan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan) LPNM Mohd Khairuzamri M Salleh.



DR Sahrudin (kiri) merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Kepong menyampaikan sijil kursus Taklimat Program dan Pengurusan Teknologi Penanaman Nanas kepada Hamidon Adon.

Bid to develop animal feed pellets from pineapple waste

MUAR: The Malaysian Pineapple Industry Board is working with FGV Holdings Bhd to develop ruminant animal feed pellets produced from the pineapple waste as a new downstream product. Its chairman, Datuk Dr Sahrudin Jamal, said a study to develop the latest product had been carried out since last year to ensure it could penetrate the market next year. "The first industrial-scale project is expected to be done in November in Pahang. We are confident this latest effort will add value to the pineapple industry and boost pineapple growers' income," he said after closing the Pineapple Crop Technology Management and briefing programme here. He said the ruminant animal feed pellets were more eco-friendly with higher composition of nutrients. **Bernama**



MOKD Rahmad (kiri) dan Mohd Irfan Daniel mengalihkan jaring bagi mengelakannya dibayutkan air pasang besar di Kampung Pantai Rombang, Pantai Puteri, Tanjung Kling, Melaka.

Pindah peralatan elak hanyut air pasang

Melaka: Kebanyakan nelayan pinggir pantai di Pantai Puteri, Tanjung Kling mengambil inisiatif memindahkan peralatan menangkap ikan bagi mengelak dihanyutkan air pasang besar.

Tinjauan di Kampung Pantai Rombang, Pantai Puteri mendapati nelayan berbuat demikian selepas mengalami perkara sama kelmarin.

Mohd Rahmad Khamis, 36, berkata, walaupun fenomena air pasang besar tidak seteruk di Selangor, namun ia tetap mengancam peralatan menangkap ikan seperti jaring cabok, jaring bawal, jaring pacel dan rawai.

Katanya, air pasang besar mulai jam 10 pagi semalam tidak setinggi kelmarin yang menyebabkan peralatan menangkap ikan tenggelam.

"Semalam (kelmarin) air pasang penuh naik hingga hampir mencecah lantai ke-

dai ikan, tetapi hari ini (semalam) ia tidak sebesar semalam (kelmarin).

"Bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, kami memindahkan jaring bagi memastikan tidak mengalami kerugian akibat jaring koyak atau dihanyutkan air pasang besar," katanya.

Mohd Irfan Daniel Ishak, 25, berkata, dia juga terpaksa memindahkan jaring milik bapanya yang diletakkan di pantai bagi mengelakkan kerugian.

"Air pasang besar tidak boleh dijangka naik sampai ke tahap mana kerana ia bergantung pada angin dan arus laut dan lazimnya angin kencang dari barat akan menyebabkan air pasang besar naik hingga hampir mencecah kedai ikan," katanya.

Menurutnya, fenomena berkenaan berlaku pada setiap kali angin barat bertuip kencang dari September hingga Oktober setiap tahun.

Pindah jaring elak dihanyut air pasang

Langkah berjaga-jaga pastikan peralatan tidak rosak

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.my

Melaka: Kebanyakan nelayan pinggir pantai di Pantai Puteri, Tanjung Kling, di sini, memin-dahkan peralatan menangkap ikan bagi mengelakkan diban-nyutkan air pasang besar.

Tinjauan di Kampung Pantai Rombang, iaitu sebahagian da-ri Pantai Puteri sepanjang 10 kilometer (km) itu, semalam, mendapati nelayan membuat de-mikian selepas mengalami per-gara sana, kelmarin.

Mohd Rahmad Khamis, 36, ber-kata walaupun fenomena air pa-sang besar tidak seteruk di Se-langor, terutama Kuala Selangor, ia tetap mengancam peralatan menangkap ikan seperti jaring cabok, jaring bawal, jaring pascal dan rawal.

Air pasang besar mulai jam 10 pagi semalam tidak setinggi pagi kelmarin, yang menyebabkan peralatan menangkap ikan se-dikit tenggelam.

"Semalam (kelmarin) air pa-sang penuh naik hingga hampir meneras lantai kedai ikan te-tapi hari ini (semalam) ia tidak sepuh semalam (kelmarin).

"Bagaimanapun, sebagai lang-kah berjaga-jaga, kami terpaksa memindahkan jaring bagi me-



Mohd Rahmad (lari) dan Mohd Irfan Daniel mengalihkan jaring bagi mengelakkan diban-nyutkan air pasang besar di Kampung Pantai Rombang, Tanjung Kling, semalam. (Foto Hassan Omar/BH)

mastikan kami tidak kerugian akibat jaring koyak atau diba-nyutkan air pasang besar," ka-tanya.

Mohd Irfan Daniel Ishak, 25, berkata beliau juga terpaksa me-mindahkan jaring milik bapanya yang diletakkan di pantai ber-hampiran kedai ikan bapanya bagi mengelakkan kerugian. "Air pasang besar tidak boleh dijangka kerana ia bergantung pada angin dan arus laut.

"Lazimnya angin kencang dari barat akan menyebabkan air pa-sang besar naik hingga hampir mencecah kedai ikan," katanya.

Air pasang besar, kelmarin, se-takat menenggelamkan jaring te-tapi tidak menyebabkan ia ha-

nyut berbanding paras air pa-sang besar: lebih rendah sama-lah.

Lazimnya, fenomena berlaku pada setiap kali angin barat ber-tiup kencang dari September hingga Oktober setiap tahun.

Othman Abdul Rahim, 65, ber-kata fenomena air pasang besar di Pantai Puteri pernah menca-pai tahap melimpah hingga ke jalan raya sekitar tahun 1980-an, tetapi tidak menyebabkan keru-gian besar terhadap nelayan.

"Air pasang besar ketika itu naik hingga ke jalan raya tetapi tidak sampai menenggelamkan kedai ikan dan nelayan bernasib baik kerana tidak berlaku ribut barat ketika itu," katanya.

22/9/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

Juruterbang kini ternak ikan

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI

utusannews@mediamajlis.com.my

SEREMBAN: Seorang bekas juruterbang sebuah syarikat perubangan tidak menyangka minatnya dalam pemeliharaan ikan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu telah membuahakan hasil lumayan.

Borman Khairuddin, 49, berkata, bermula sekadar menjangsi masa terluang ketika PKP, dia kini mempunyai 3,000 anak ikan 'jade perch' yang berasal dari Australia untuk dilepaskan di tiga buah kolam ternakan di Ulu Bendul, Kuala Pilah.

"Semasa PKP operasi penerbangan berkurangan. Kemudian syarikat memberi dua pilihan sama ada saya mengambil cuti panjang tanpa gaji atau skim pemberhentian sukarela (VSS), saya akhirnya memilih VSS selepas berkhidmat selama empat tahun dengan syarikat itu.

"Kebanyakan masa saya kemudiannya dihabiskan di rumah mempelajari cara melakukakan pemeliharaan ikan jade perch. Kini, terdapat lebih 3,000 anak ikan dan menunggu masa untuk dilepaskan ke dalam kolam," katanya ketika ditemui di Seremban 2, baru-baru ini.

Borman yang pernah berkhidmat dengan Penerbangan Malaysia (MAS) selama 24 tahun berkata, dia telah mengeluarkan modal sebanyak RM350,000 bagi mengusahakan ternakan ikan tersebut dan percaya pelaburan



BORMAN Khairuddin menunjukkan ikan jade perch yang diternak di kolam pemantauan dekat rumahnya di Seremban 2. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

besarnya itu mampu memberi pulangan lumayan berdasarkan permintaan pasaran.

"Saya pernah mengalami kerugian apabila kolam ikan disabotaj sehingga menyebabkan 17,000 ekor anak ikan mati. Saya kemudian berpindah ke Ulu Bendul.

"Ikan sedia ada sudah boleh dijual pada harga RM35 sekilogram manakala harga di restoran boleh mencecah sehingga RM150 satu hidangan. Ada pelanggan yang sudah me-

nempah ikan ini berulang kali kerana keenakan isinya yang lembut dan manis," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, ikan jade perch mempunyai khasiat lebih tinggi berbanding ikan Salmon, namun tidak ramai mengetahui hal tersebut.

"Saya menggunakan 100 peratus palet, tidak menggunakan sebarang vaksin atau bahan kimia. Malah, jika dilihat ikan ini mempunyai satu gumpal lemak yang bersih," katanya

yang turut memberitahu khasiat ikan tersebut adalah 13 kali ganda lebih daripada ikan haruan.

Borman berkata, dia juga menghantar sampel ikan untuk menjalani ujian makmal di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Pihak UKM mendapati ikan ini mempunyai Omega 3 lebih tinggi daripada Salmon. Ia juga mampu menjaga kesihatan dan sesuai diperkenalkan kepada golongan miskin tegar," katanya.